**NOTIS MAKLUMAN PENUTUPAN PERKHIDMATAN NSGOVCLOUD MULAI 29 NOVEMBER HINGGA 1 DISEMBER 2024**

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI**
**SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
**SEMUA BADAN BERKANUN NEGERI**

YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA PERKHIDMATAN NSGOVCLOUD DAN CAPAIAN KE SISTEM / APLIKASI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DISEBABKAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI MENAIK TARAF SISTEM *HYPER-CONVERGED INFRASTRUCTURE* (HCI) DI BILIK SERVER, BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pentadbiran ini akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf terhadap sistem HCI di Bilik Server, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan seperti butiran berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Jabatan/agensi terlibat | : | Semua Ketua Jabatan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun Negeri |
| Tarikh/ Masa mula | : | 29 November 2024, Jumaat/ 6.30 petang |
| Tarikh/ Masa dijangka tamat | : | 1 Disember 2024, Ahad/ 5.30 petang |
| Tujuan / Sebab | : | Penutupan sementara Perkhidmatan NSGovCloud dan capaian ke Sistem/ Aplikasi Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf sistem HCI di Bilik Server, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan mulai 29 November 2024 hingga 1 Disember 2024. |
| Implikasi kepada pengguna yang terlibat | : | Sepanjang aktiviti ini dijalankan, pengguna **TIDAK BOLEH** mencapai Sistem/ Aplikasi/ Portal Kerajaan Negeri yang menggunakan perkhidmatan NSGovCloud berikutan penutupan sementara sistem HCI dan memerlukan aktiviti *down time* sepanjang tempoh penyelenggaraan tersebut.<br><br>Sebarang masalah dan kegagalan sistem HCI di Bilik Server yang tidak dirancang akan dimaklumkan kepada pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ tuan/ puan dari semasa ke semasa oleh pentadbiran ini bergantung kepada keperluan aktiviti yang dilaksanakan. |

| | | |
|---|---|---|
| Tindakan yang perlu diambil oleh agensi | : | Kerjasama semua Ketua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri diminta untuk memanjangkan perkara ini kepada semua warga kerja masing-masing untuk mengambil tindakan sewajarnya dan sebarang masalah berhubung perkara ini boleh dipanjangkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)<br><br>Setiap Pentadbir Sistem atau Pemilik bagi Sistem/ Aplikasi Kerajaan Negeri yang menggunakan perkhidmatan NSGovCloud terbabit perlu melaksanakan aktiviti penutupan server pada 29 November 2024 sebelum jam 6.30 petang dan melaksana aktiviti pengaktifan semula server serta pengujian Sistem/ Aplikasi mulai jam 5.30 petang pada 1 Disember 2024. |
| Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi pentadbiran ini melalui | : | Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)<br>Telefon: 06-765 9818/ 9720/ 9726/ 9727/<br>06-760 2011/ 2024/ |

3. Kerjasama dan komitmen daripada pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ tuan/ puan di dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"**

**Bahagian Teknologi Maklumat**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**